

MAHATHIR - PELABURAN

EMBARGO: UNTUK SIARAN LEPAS PUKUL 7.30 PETANG INI.

1979

DARI HASHIM MAKARUDDIN

MANCHESTER, 19 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PELABUR BRITISH BAHAWA MEREKA DIALU-ALUKAN MENANAM MODAL DI MALAYSIA TETAPI DI SAMPING ITU MEREKA DIHARAPKAN MEMBUAT SUMBANGAN POSITIF KEPADA PERTUMBUHAN DAN KEMAJUAN NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MENGETI BAHAWA PARA PELABUR, BAIK LUAR MAHUPUN TEMPATAN, BUKANNYA MELABUR UNTUK KEBAJIKAN.

+SAUDARA-SAUDARA MELABUR UNTUK MENDAPATKAN UNTUNG. SAUDARA-SAUDARA DIALU-ALUKAN MENDAPATKAN KEUNTUNGAN TETAPI DI SAMPING ITU KAMI BERHARAP SAUDARA-SAUDARA JUGA BERSIKAP PRAGMATIK,+ KATANYA DALAM SATU SEMINAR PELABURAN.

SEMINAR YANG DIADAKAN DI SINI ITU DIHADIRI OLEH PARA AHLI INDUSTRI DAN AHLI PERNIAGAAN BRITISH TERKEMUKA DARI BERBAGAI BIDANG INDUSTRI.
-- BERSAMBUNG 1517/YF

EE

D575

MAHATHIR - PELABURAN 2 MANCHESTER (EMBARGO)

ANGGOTA-ANGGOTA ROMBONGAN PELABURAN MALAYSIA YANG LAIN TERMASUK WAKIL-WAKIL DARI 63 SEKTOR SWASTA YANG SEDANG MEMBUAT LAWATAN MENGGALAKKAN PELABURAN SELAMA SEMINGGU DI SINI DAN LONDON JUGA HADIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA AHLI PERNIAGAAN YANG WARAS TIDAK MENGHARAPKAN MENDAPAT SEGALA-GALANYA DARI MASYARAKAT TEMPAT MEREKA MENJALANKAN PERNIAGAAN DAN TIDAK LANGSUNG MEMBERIKAN SESUATU SEBAGAI BALASAN.

KATANYA SUMBANGAN KEPADA KEMAJUAN MALAYSIA BUKANLAH SESUATU YANG LUAR BIASA.

MALAYSIA, KATANYA LAGI, MENAWARKAN KEPADA PARA AHLI INDUSTRI BRITISH TEMPAT MENDAPATKAN KEUNTUNGAN DAN SEBAGAI PERTUKARANNYA MALAYSIA MEMERLUKAN PERTOLONGAN MEREKA MEMBANGUN SOSIO-EKONOMINYA.

-- BERSAMBUNG 1520/YF

EE

D576

MAHATHIR - PELABURAN 3 MANCHESTER (EMBARGO)

UNTUK MENCAPAI TUJUAN INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, DASAR-DASAR DAN GARIS PANDUAN YANG TERTENTU TELAH DITETAPKAN BAGI PENYERTAAN EKUITI PELABURAN DI MALAYSIA.

KATANYA PERATURAN-PERATURAN INI TIDAK KERAS DAN TIDAK AKAN MENJEJASKAN KEJAYAAN DAN ANASIR KEUNTUNGAN DALAM PERNIAGAAN.

BELIAU LALU MENJELASKAN BEBERAPA GARIS PANDUAN YANG DIKENAKAN BAGI PROJEK-PROJEK BARU DAN PROJEK-PROJEK YANG ADA SEKARANG YANG HENDAK DIPERLUASKAN.

KATANYA MALAYSIA INGIN MEMPASTIKAN BAHAWA MAJORITI EKUITI PROJEK-PROJEK INDUSTRI YANG BERGANTUNG KEPADA PASARAN TEMPATAN DIPEGANG OLEH MALAYSIA.

BAGI PROJEK-PROJEK YANG MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER PENTING YANG TIDAK DAPAT DIGANTI SEMULA, KHUSUSNYA DI PERINGKAT PENGAMBILAN DAN MEMPROSES BAHAN UTAMA, SEKURANG-KURANGNYA 70 PERATUS EKUITI HENDAKLAH DIPEGANG OLEH MALAYSIA TERMASUK 30 PERATUS BUMIPUTERA.

-- BERSAMBUNG 1524/YF

MAHATHIR-PELABURAN 4 KUALA LUMPUR (EMPARGO)

KEBENARAN DIBERIKAN BAGI MILIK MAJORITI ASING UNTUK PROJEK-PROJEK PERKILANGAN BAGI PASARAN EKSPORT.

KALAU PERLU EKUITI ASING 100 PERATUS IA MUNGKIN BOLEH DIPERTIMBANGKAN, KATANYA.

+ KAMI PERSEDIA UNTUK MENERIMA SEMUA PANDANGAN ASALKAN KEUNTUNGAN DINIKMATI SECARA ADIL ANTARA PELABUR DAN MALAYSIA SEBAGAI TUANRUMAH- KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BERKATA SETENGAH-SETENGAH SYARIKAT TELAH MELAHIRKAN KESANGSIAN BAHAWA SUNGGUHPUN MEREKA AKAN DIBERI KELULUSAN EKUITI YANG BOLEH DITERIMA, SELEPAS BEBERAPA TAHUN KERAJAAN MUNGKIN MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENUKARKAN EKUITI ITU KEPADA RAKYAT MALAYSIA.

BELIAU MENEGASKAN PERKARA INI PELUM BERLAKU DAN TIDAK AKAN BERLAKU DI MALAYSIA. TIDAK ADA PERUTAHAN SYARAT-SYARAT DIPERTENGAHAN JALAN. 161

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA TIDAK AKAN BERLAKU TINDAKAN MEMILIKNEGARAKAN PERUSAHAAN DI MALAYSIA SUNGGUHPUN PENGAMBILALIHAN MELALUI SAHAM-SAHAM MUNGKIN DIJALANKAN.

PENGGERUSI MIDA DATUK JAMIL JAN MEMBERITAHU PARA PELABUR ITU BAHAWA BEBERAPA POTENSI UJUD BAGI PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG BERASASKAN EKSPORT DI MALAYSIA, TERUTAMANYA PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG BANYAK MEMERLUKAN TENAGA BURUH DAN MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN MENTAH TEMPATAN. -- BERSAMBUNG 1725/YF

B625

MAHATHIR-PELABURAN 5 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA LAIN-LAIN PERUSAHAAN BERPOTENSI YANG DIBERI KEUTAMAAN DI MALAYSIA IALAH PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG MEMBAWA KEMAHIRAN KHAS DAN TEKNOLOGI BARU, TERMASUK PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG BOLEH MEMBERI PENYATUAN TERHADAP PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG BEDIA ADA.

ANTARA PERUSAHAAN-PERUSAHAAN YANG DIBERI KEUTAMAAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN OLEH PARA PELABUR ASING IALAH:

+ MEMPROSES DAN MENGILANG BAHAN-BAHAN YANG BERASASKAN KAYU, GETAH, BIJAH TIMAH, KELAPA SAWIT, PASIR DAN TANAH LIAT.

+ MENGELUARKAN BAHAN-BAHAN PÉTRO-KIMIA DAN LAIN-LAIN KIMIA

+ MENGELUARKAN BAHAN-BAHAN SEPERTI ALAT-MUSIK, FOTOGRAFI DAN BAHAN-BAHAN OPTIKAL, MENCANAI DAN MENGILAP BATU-BATU PERMATA

DAN MENGELUARKAN BARANG-BARANG KEMAS, DAN

+ MENGELUARKAN JENTERA-JENTERA PERUSAHAAN DAN BARANG GANTIAN.
-- BERNAMA 1728/YF